

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 15 Februari 2016 13:28
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KEMBARA DISCOVER UUM MENGASYIKKAN KOLEJ CYBERNETICS KUALA LUMPUR



15 FEBRUARI 2016 / 06 JAMADILAWWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

KEMBARA DISCOVER UUM MENGASYIKKAN KOLEJ CYBERNETICS KUALA LUMPUR



ANJUNG TAMU ONLINE: Menggalakkan pelajar Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics (KTAC) Kuala Lumpur menjalani cara hidup sihat berlandaskan ketahanan mental dan fizikal di samping menjalin rangkaian atau 'networking' dengan Kelab Kembara UUM menjadi objektif lawatan mereka ke UUM sempena Discover UUM 2016.

Sebaik tiba di Welcome Centre, pelajar Kelab Kembara KTAC asyik bergambar di setiap sudut sambil menghayati suasana flora dan fauna melalui gambar yang dipamerkan di Galeri.

Selain itu, 42 pelajar KTAC juga banyak mengemukakan soalan tentang sejarah UUM yang bakal menyambut hari Pengasasan ke 32 tahun.

Sejurus selepas taklimat, mereka melawat sekitar Welcome Centre dan masing-masing melahirkan keterujaan dan gembira dengan layanan yang diberikan di samping menikmati suasana kampus yang sejuk mata memandang.

“Penerangan yang lengkap”, “Suasana damai dan cantik” kata mentor Kelab Kembara KTAC, Mohd. Fairus Ahmad.

Dalam pada itu, menurut Timbalan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) KTAC, Aidi Ismail, kembara ini turut menggalakkan mereka bertukar idea supaya cergas minda dan tabah menghadapi cabaran.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

